

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

PM hadir sambutan Aidilfitri Kementerian Kewangan

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam hadir Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Rumah Terbuka Kementerian Kewangan, di sini.

Kehadiran beliau pada kira-kira jam 12 tengah hari disambut Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Antara tetamu yang turut hadir memeriahkan majlis rumah terbuka itu, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Hussein; Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Ismail Sabri yang lengkap berbaju Melayu merah dan

bersamping merah jambu meluangkan kira-kira sejam 40 minit di majlis itu yang dihadiri kira-kira 7,000 tetamu.

Perdana Menteri kemudian menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini dan meluangkan masa kira-kira 30 minit pada majlis itu yang turut dihadiri kira-kira 5,000 tetamu.

Kehadiran beliau pada kira-kira jam 2 petang disambut Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; timbalannya, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

BERNAMA



Ismail Sabri bersama Tengku Zafrul pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Rumah Terbuka Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Jumlah kes HFMD dilaporkan meningkat 15 kali ganda

Kuala Lumpur: Jumlah kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) di negara ini meningkat pada kadar membimbangkan iaitu 15 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu dengan 31,661 kes dilaporkan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata sebanyak 7,526 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 yang berakhir pada 14 Mei yang menunjukkan peningkatan 349 peratus, berbanding ME sebelumnya hanya 1,676 kes di seluruh negara.

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di tadika, taska atau prasekolah iaitu 575 wabak atau 65 peratus daripada kes keseluruhan, diikuti oleh rumah persendirian dengan 305 wabak (34 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 27 wabak (tiga peratus)," katanya dalam kenyataan semalam.

Selangor menyumbang jumlah kes terbesar HFMD dengan 8,864 kes iaitu 23 peratus daripada keseluruhan, diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya - 4,421 kes (14 peratus), Sabah - 2,650 kes (lapan peratus), Perak - 2,638 kes (lapan peratus) dan Kelantan - 2,493 kes (7.9 peratus), sementara negeri-negeri lain melaporkan kurang daripada 1,500 kes.

Beliau berkata, sebanyak 889 wabak dilaporkan di Malaysia iaitu tiga negeri tertinggi ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu 309 wabak (35 peratus), diikuti Selangor dengan 111 wabak (12 peratus) dan Perak 105 wabak (12 peratus).

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah iaitu 29,781 kes (94 peratus), diikuti kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun iaitu 1,473 kes.

Wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes dalam satu komuniti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi.

Beliau memperingatkan bahawa penyakit berkenaan adalah penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan orang ramai boleh melaporkan kes kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.

Selain itu, beliau memaklumkan HFMD berkait rapat amalan kebersihan diri dan persekitaran dengan kadar jangkitan dalam kalangan kanak-kanak berumur kurang 10 tahun hampir 100 peratus, terutama di premis seperti taska, tadika atau sekolah.

BERNAMA

Kes doktor pelatih dibuli

'Langkah pastikan HWCITF bebas'

Putrajaya: Ketiadaan wakil doktor pelatih dan pegawai perubatan dalam Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) yang ditubuhkan bagi menyoal insiden buli dalam kalangan doktor di fasiliti kesihatan awam dilakukan bagi memastikan kebebasan jawatankuasa berkenaan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ia bagi memastikan satu laporan yang bebas daripada prasangka, prejudis dan sebagainya.

"Tidak perlu ada wakil daripada doktor pelatih dalam HWCITF untuk jawatankuasa itu berfungsi dan mendapat maklumat terperinci mengenai budaya kerja.

"Saya tubuhkan pasukan bebas supaya tidak ada pandangan prejudis yang ada dalam jawatankuasa bertindak itu.

"Sebab itu jika kita tengok jawatankuasa bertindak, tidak ada seorang pun doktor pelatih, tidak ada seorang pun pegawai perubatan, walaupun ada doktor, tetapi bukan pegawai perubatan. Ini kerana kita mahu pasukan petugas ini bebas," katanya selepas Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan (KKM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Khairy berkata, pasukan itu juga sudah mengeluarkan kenyataan sebelum ini yang menyatakan ia akan membabitkan semua pihak termasuk Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Sementara itu, KKM akan meningkatkan pemberian ubat un-



Khairy bersama Dr Noor Hisham pada Majlis Sambutan Aidilfitri KKM di PICC, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tuk rawatan COVID-19, Paxlovid keluaran Pfizer kepada pusat perubatan dan klinik swasta serta hospital pengajar dalam masa terdekat.

Khairy berkata, ia bagi membolehkan penggunaan Paxlovid dapat diperluaskan, selain penggunaannya hanya di hospital awam ketika ini.

Katanya, sejak kelmarin, pihaknya sudah memberikan Paxlovid

kepada seramai 405 pesakit COVID-19, namun beliau sudah mengarahkan untuk penggunaannya ditingkatkan.

"Sebelum ini, kita hanya memberi Paxlovid kepada mereka yang berisiko tinggi, namun kini kumpulan yang akan diberikan diperluaskan.

"Kita juga berikan kepada Klinik Kesihatan (KK) dan bukan sahaja di hospital," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

Manfaat cuti kuarantin HFMD tumpu rawatan, elak jangkitan



Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Prof Madya Dr Malina Osman
bhrencana@bh.com.my

Jangkitan Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dalam kalangan kanak-kanak kembali menular dalam julat angka begitu tinggi dalam tempoh beberapa minggu berbanding tahun lalu.

Pada tahun ini sehingga penghujung April lalu, sebanyak 22,463 kes HFMD dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) di seluruh negara, berbanding 1,752 pada tempoh sama, tahun lalu, sekali gus menunjukkan peningkatan hampir 13 kali ganda.

Sepanjang tahun ini juga sejumlah 767 wabak dalam lokaliti setempat direkodkan, tiga negeri tertinggi yang melaporkan kes HFMD ialah Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Perak.

HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia kurang 12 tahun tetapi pesakit kurang 6 tahun adalah majoriti dijangkiti.

Ia ditandai demam panas, diikuti ruam lepuh (*blister*) pada bahagian mulut, tangan dan kaki. Gejala lain termasuk letih dan tidak bermaya.

Akibat ruam lepuh kemudian menjadi ulser di dalam mulut, pesakit kanak-kanak biasanya enggan mengambil makanan dan mengalami kesukaran untuk menelan.

Dari segi klinikal, meskipun gejala dan impak HFMD tidak teruk berbanding jangkitan COVID-19, demam panas dalam kalangan pesakit HFMD terdedah kepada risiko sawan dan komplikasi sistem saraf jika gagal dirawat sebaik-baiknya.

Sebahagian kecil pula boleh mendapat komplikasi serius, iaitu radang pada jantung, paru-paru atau otak yang memerlukan rawatan intensif serta terdedah kepada risiko kematian.

HFMD ditularkan melalui sentuhan cecair tubuh seperti air liur, hingus, kahak dan najis mereka dijangkiti atau kontaminasi silang dengan permukaan tercemar oleh cecair badan berkenaan.

Jika dibandingkan penularan COVID-19 melalui sentuhan cecair dari mulut dan hidung serta kemungkinan melalui udara dalam ruang tertutup, HFMD lebih banyak disebarkan melalui sentuhan fizikal dengan permukaan tercemar daripada mereka sudah dijangkiti serta tidak menitikberatkan kebersihan.

Hal ini memerlukan kefahaman masyarakat sudah dibiasakan dengan pencegahan COVID-19 tetapi terlupe dengan kemungkinan jangkitan lain, terutama HFMD.

Disebabkan ia boleh ditularkan melalui najis, kebersihan di tempat persalinan bayi di tandas atau tempat awam serta aspek penukaran lampin pakai buang perlu dilakukan dengan berhati-hati serta menurut garis panduan disyorkan.

Ibu bapa atau penjaga diingatkan membersihkan kanak-kanak dengan air dan sabun selepas buang air kecil, besar atau menukar lampin pakai buang, selain turut membersihkan tangan mereka sendiri.

Malah, kanak-kanak berkenaan juga perlu dilap hingga kering bagi memastikan permukaan itu benar-benar bersih, manakala penggunaan tisu ba-



Ibu bapa atau penjaga diberi cuti kuarantin bagi memastikan anak pulih sepenuhnya dan bebas daripada tanda serta gejala HFMD.
(Foto hiasan)

sah dan sanitiser sahaja tidak disyorkan sama sekali kerana tidak memadai.

Sempena musim rumah terbuka sempena Syawal ini, ibu bapa yang anak mereka disahkan diagnosis HFMD perlu mengamalkan kuarantin, iaitu tidak membawa anak mereka keluar dari rumah untuk berjalan-jalan ke tempat awam seperti pusat beli-belah, balik kampung, beraya dan tempat rekreasi.

Hakikatnya, kuarantin HFMD juga sama seperti COVID-19, iaitu keluar dari tempat kuarantin adalah tidak dibenarkan.

Ibu bapa atau penjaga diberi cuti kuarantin perlu mememanfaatkannya untuk memberikan tumpuan penuh terhadap rawatan anak dijangkiti HFMD. Cuti kuarantin bermaksud tinggal di rumah seperti diarahkan hingga anak pulih sepenuhnya dan bebas daripada tanda serta gejala HFMD.

Melanggar arahan kuarantin bermakna sengaja menyebarkan jangkitan HFMD kepada masyarakat. Laporan tidak rasmi di lapangan menunjukkan ada individu memanfaatkan cuti kuarantin untuk terus 'memeriahkan' sambutan hari raya.

Ketiadaan sistem pemantauan dalam MySejahtera untuk mengawasi pergerakan mereka yang dijangkiti turut membolehkan jangkitan terus berlaku meskipun cuti kuarantin diberikan.

Oleh itu, individu diberi cuti kuarantin perlu mengambil sikap bertanggungjawab demi mengelakkan penularan terus berlaku termasuk di tempat kerja. Kita sangat mengharapkan sifat amanah dan tanggungjawab dalam kalangan ibu bapa serta semua terbabit dalam membantu mengekang tularan.

Bagi tujuan pencegahan, ibu bapa yang mempunyai anak masih sihat dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membawa anak ke tempat tumpuan awam atau kawasan mempunyai banyak interaksi fizikal dengan elemen persekitaran seperti taman permainan.

Ini kerana terdapat kemungkinan individu dijangkiti HFMD bermain di kawasan berkenaan hingga meninggalkan sebahagian cecair tubuh.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Selangor, KL, Pulau Pinang tertinggi

Putrajaya: Kes Covid-19 kelmarin menunjukkan penurunan ketara apabila sebanyak 1,697 kes Covid-19 dilaporkan setakat kelmarin membabitkan kes penurunan tempatan.

Menerusi data dalam laman sesawang COVID-NOW, tiga negeri mencatatkan pertambahan tiga angka iaitu paling tinggi dilaporkan di Selangor membabitkan 707 kes diikuti Kuala Lumpur (370) dan Pulau Pinang (151).

Selain itu, sebanyak 78 kes dilaporkan di Perak, Johor (69), Negeri Sembilan (50), Sabah (48), Kedah (47), Melaka (39), Putrajaya (38), Pahang (36), Sarawak (25),

4,479,809 kes

Jumlah individu dijangkiti Covid-19 di Malaysia

Terengganu (20), Kelantan (15) dan Labuan (empat).

Hanya Perlis tidak mencatatkan pertambahan kes kelmarin.

Perkembangan itu menjadikan Selangor membabitkan jumlah individu yang dijangkiti Covid-19 di negara ini meningkat kepada 4,479,809 kes.

Sehingga kini terdapat 30,879 kes aktif di negara ini dan daripada jumlah berkenaan sebanyak 96.2 peratus bersamaan 29,693

kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu seramai 1,123 kes pula sedang mendapatkan rawatan di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (23), Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (22) serta ICU dan tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (18).

Dalam pada itu, setakat kelmarin, terdapat lima kes kematian dilaporkan

dan satu daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID). Ia menjadikan sehingga kini sebanyak 35,620 kes kematian akibat jangkitan berkenaan.

Daripada jumlah dnyatakan itu, terdapat 7,543 kes adalah pesakit Covid-19 yang meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan.

Data turut menunjukkan semalam terdapat 1,548 kes sembuh, jumlah itu menjadikan sehingga kini individu yang sudah pulih sepenuhnya daripada jangkitan berkenaan kini meningkat kepada 4,413,310 kes.

1,646,257 kanak-kanak terima satu dos vaksin

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,063,569 atau 30 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap menerima vaksin di bawah Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKIDS) setakat kelmarin.

Menurut laman web COVIDNOW, seramai 1,646,257 kanak-kanak atau 46.4 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun pula, 2,905,317 (93.4 peratus) lengkap menerima vaksinasi manakala 3,002,852 (96.5 peratus) daripada kumpulan sama menerima seku-

rang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam tempoh sama, 16,066,394 atau 68.3 peratus golongan dewasa menerima dos penggalak manakala 22,971,246 (97.6 peratus) lengkap dua dos dan 23,247,211 (98.8 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi pemberian dos harian pula, sebanyak 9,228 dos vaksin Covid-19 diberikan kelmarin membabitkan 2,700 dos pertama, 4,779 dos kedua dan 1,749 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerima Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 70,689,336.

Oleh Ruwaida Md Zaim
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Awas berikutan kes demam denggi di negeri ini meningkat sebanyak 70 peratus membabitkan 9,357 kes dilaporkan sehingga 7 Mei lalu.

Angka itu jelas membimbangkan berbanding 3,854 kes minggu epid (ME) sama pada tahun lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, lima daerah utama mencatatkan kes demam denggi tertinggi iaitu Petaling sebanyak 3,481 kes atau 37.2 peratus, Klang 3,197 kes (23.5 peratus), Hulu Langat 2,008 kes (21.5 peratus), Gombak 937 (10.0 peratus) dan Sepang pula 228 kes (2.4 peratus).

"Sebanyak satu kematian denggi didaftarkan sehingga kini, tidak berubah berbanding minggu sama pada tahun sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan di Facebook rasmi JKNS.

Bagaimanapun, katanya, pada ME 18 iaitu antara 1 Mei sehingga 7 Mei lalu, sejumlah 470 kes denggi dilaporkan di Selangor iaitu penurunan sebanyak 28.4 peratus berbanding 656 kes pada minggu sebelumnya.

Sehubungan itu, katanya, JKNS menyarankan komu-

Kes denggi naik 70%

Sejumlah 9,357 kes dilapor di Selangor sehingga 7 Mei lalu



Komuniti disarankan memastikan semua takungan air tidak digunakan dimusnahkan"

Dr Sha'ari

dimusnahkan.

"Bagi takungan air kekal yang disimpan untuk kegunaan, hendaklah sentiasa ditutup rapat atau diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik serta diperiksa seminggu sekali.

"Sentiasa memakai alat pelindung diri dan pakaian yang menutupi lengan dan kaki untuk mengelakkan gigitan nyamuk," katanya.

Katanya, sebarang maklumat tambahan berkaitan kawalan dan pencegahan denggi boleh diperolehi melalui <https://www.infoshat.gov.my/index.php/demam-denggi>.

niti di kawasan kediaman dapat melaksanakan aktiviti pembersihan tempat pembiakan nyamuk aedes sendiri secara berkala di dalam dan luar persekitaran tempat tinggal dengan meluangkan 10 minit seminggu.

"Komuniti disarankan memastikan semua takungan air tidak digunakan di persekitaran masing-masing dimusnahkan dan meletakkan ubat pembunuh jentik-jentik di tempat takungan air yang tidak dapat

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Sebanyak 14,725 kes dilaporkan tahun ini berbanding 10,139 pada tahun lalu

Kes demam denggi naik 51.5 peratus

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes denggi di seluruh negara pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 mencatatkan sebanyak 1,074 kes iaitu peningkatan 51.5 peratus atau 365 kes berbanding jumlah kes dilaporkan pada ME 18/2022 dengan 709 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan kumulatif kes denggi dilaporkan sehingga kini adalah 14,725 kes berbanding 10,139 kes bagi tempoh sama tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 45.2 peratus atau 4,586 kes.

"Bagi jumlah keseluruhan kematian denggi sehingga ME 19/2022 pula merekodkan sembilan kematian, iaitu peningkatan 80 peratus atau empat kematian berbanding lima kematian bagi tempoh sama tahun 2021.

"Untuk perbandingan negeri-negeri pada tahun ini sehingga ME 19/2022 dengan tempoh sama tahun lalu, didapati Terengganu mencatatkan peningkatan per-

Untuk perbandingan negeri-negeri pada tahun ini sehingga ME 19/2022 dengan tempoh sama tahun lalu, didapati Terengganu mencatatkan peningkatan peratusan kes paling tinggi dengan 164.7 peratus."

tusan kes paling tinggi dengan 164.7 peratus," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, ia diikuti oleh Labuan (150 peratus), Kedah (137.8 peratus), Negeri Sembilan (71.4 peratus), Selangor (42.6 peratus), Sabah (40.8 peratus), Kelantan (27.1 peratus), Perak (26.4 peratus), Kuala Lumpur dan Putrajaya (14.3 peratus), Sarawak (13.7 peratus) dan (Penang 3.4 peratus).

"Negeri Perlis, Melaka, Johor dan Pahang mencatatkan penurunan peratusan kes berbanding tahun lalu," kata kenyataan itu.



KES denggi tertinggi dicatatkan di Terengganu, Labuan diikuti Kedah dan Negeri Sembilan.

HFMD meningkat 15 kali ganda

PUTRAJAYA – Penyakit berjangkit kaki, tangan dan mulut (HFMD) melaporkan peningkatan sebanyak 15 kali ganda dengan 31,661 kes direkodkan sehingga Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 (14 Mei) lalu, berbanding ME sama tahun lepas yang hanya mencatatkan 2,121 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, untuk kes yang dilaporkan sepanjang ME 19/2022, sebanyak 7,526 kes dilaporkan berbanding ME 18/2022 dengan 1,676 kes di seluruh negara iaitu peningkatan 349 peratus.

"Pada tahun ini sehingga 14 Mei lalu, Selangor menyumbang jumlah kes terbesar berbanding negeri-negeri lain iaitu 8,864 kes (28 peratus).

"Ia diikuti oleh Kuala Lumpur dan Putrajaya 4,421 kes (14 peratus), Sabah 2,650 kes (lapan peratus), Perak 2,638 kes (lapan peratus) dan Kelantan 2,493 kes (7.9 peratus), sementara negeri-negeri lain sekitar atau kurang daripada 1,500 kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebanyak 889 wabak dilaporkan di Malaysia dengan tiga negeri tertinggi mencatatkan kejadian wabak ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu 309 wabak (35 peratus), diikuti Selangor dengan 111 wabak (12



KES HFMD cepat merebak di pusat jagaan kanak-kanak, taska dan tadika. – GAMBAR HIASAN

peratus) dan Perak 105 wabak (12 peratus).

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di tadika, taska, prasekolah iaitu 575 wabak (65 peratus), diikuti oleh rumah persendirian dengan 305 wabak (34 peratus) dan juga pusat ja-

gaan kanak-kanak sebanyak 27 wabak (tiga peratus).

"Wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD," jelasnya.

Angka kes Covid-19 turun kepada 1,697 kes

PUTRAJAYA – Jangkitan Covid-19 merekodkan sebanyak 1,697 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,479,809 kes.

Berdasarkan data pada laman web CovidNow, sebanyak 1,548 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan kes sembuh daripada Covid-19 sebanyak 4,413,310 kes.

"Kesemua kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (707 kes), Kuala Lumpur (370 kes), Pulau Pinang (151 kes), Perak (78 kes), Johor (69 kes), Negeri Sembilan (50 kes), Sabah (48 kes) dan Kedah (47 kes).

"Seterusnya Melaka (39 kes), Putrajaya (38 kes), Pahang (36 kes), Sarawak (25 kes), Terengganu (20 kes), Kelantan (15 kes), Labuan (empat kes) dan tiada kes direkodkan di Perlis," demikian maklumat tersebut di sini semalam.

Dalam masa sama, lima kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,620 kes serta satu kes meninggal dunia di luar hospital atau brought in death (BID) dengan jumlah kes BID 7,543 kes.

Sebanyak 30,879 kes aktif

dilaporkan melibatkan 29,693 kes dikuarantin di rumah, 23 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 1,123 kes di hospital, 18 kes di unit rawatan rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 22 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

"Seterusnya, Melaka (39 kes), Putrajaya (38 kes), Pahang (36 kes), Sarawak (25 kes), Terengganu (20 kes), Kelantan (15 kes), Labuan (empat kes) dan tiada kes direkodkan di Perlis," demikian maklumat tersebut di sini semalam.

Sebelum ini seorang Pakar Kesihatan Pekerjaan, Keceemasan dan Kesihatan Awam, Dr. Hanafiah Bashirun mengandaikan angka Covid-19 akan meningkat kepada 20,000 kes sehari, dua minggu selepas Aidilfitri.

Andaian kemungkinan negara akan menyaksikan peningkatan kes Covid-19 dan angkanya boleh mencecah sehingga 20,000 sekiranya nilai kebolehjangkitan negara atau R-naught (Rt) terus meningkat setiap hari.

Minggu lalu selama tiga hari kes harian melebihi 3,000.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

Kes Covid-19 terus meningkat lepas raya

KES penularan Covid-19 terus menunjukkan peningkatan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri apabila sebanyak 19,137 kes baharu dilaporkan sepanjang seminggu lepas (8-14 Mei) berbanding 8,732 kes pada minggu sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bagaimanapun berkata, peningkatan itu sememangnya sudah dijangka susulan pergerakan orang ramai untuk balik kampung.



7

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kes HFMD meningkat 15 kali ganda

Selangor menyumbang jumlah kes terbesar dengan 8,864 kes iaitu 28 peratus daripada keseluruhan

KUALA LUMPUR

Jumlah kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) di negara ini meningkat pada kadar membimbangkan iaitu sebanyak 15 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lepas dengan 31,661 kes dilaporkan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, sebanyak 7,526 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 yang berakhir pada 14 Mei yang menunjukkan peningkatan sebanyak 349 peratus, berbanding ME sebelumnya dengan hanya 1,676 kes di seluruh negara.

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di Tadika, Taska atau pra sekolah iaitu 575 wabak atau 65 peratus daripada kes keseluruhan, diikuti oleh rumah persendirian dengan 305 wabak (34 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 27 wabak (tiga peratus)," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Selangor menyumbang jumlah kes terbesar HFMD dengan 8,864 kes iaitu

28 peratus daripada keseluruhan, diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya - 4,421 kes (14 peratus), Sabah - 2,650 kes (8 peratus), Perak - 2,638 kes (8 peratus) dan Kelantan - 2,493 kes (7.9 peratus), sementara negeri-negeri lain melaporkan kurang daripada 1,500 kes.

Beliau berkata, sebanyak 889 wabak dilaporkan di Malaysia iaitu tiga negeri tertinggi ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu 309 wabak (35 peratus), diikuti Selangor dengan 111 wabak (12 peratus) dan Perak 105 wabak (12 peratus).

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah iaitu sebanyak 29,781 kes (94 peratus), diikuti kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun iaitu 1,473 kes. Wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi.

Beliau memperingatkan bahawa penyakit tersebut merupakan penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan orang ramai boleh melaporkan kes kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.



DR NOOR HISHAM

Selain itu, beliau memaklumkan penyakit HFMD berkait rapat dengan amalan kebersihan diri dan persekitaran dengan kadar jangkitan dalam kalangan kanak-kanak berumur kurang dari 10 tahun hampir 100 peratus terutama di premis tempat tumpuan kanak-kanak seperti Taska, Tadika atau sekolah.

Justeru, ibu bapa dan penjaga kepada kanak-kanak yang mempunyai simptom jangkitan dinasihatkan agar tidak membawa anak ke tempat awam, taska atau tadika dan membawa anak untuk mendapatkan rawatan, selain membersihkan permainan anak serta lantai rumah terutama di tandas.

Sebagai langkah proaktif mengekang penularan penyakit berjangkit, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui aplikasi MySejahtera telah mengaktifkan ciri terbaharu pengesanan penyakit berjangkit bagi mengesan kes selain Covid-19 seperti rabies, denggi dan demam campak.

"Ciri ini boleh membantu orang awam untuk menyemak status titik merah dan pelaporan kes-kes penyakit berjangkit di sesebuah kawasan dan membantu mereka menjalankan aktiviti harian dan merancang perjalanan secara lebih berhati-hati," kata Dr Noor Hisham. - Bernama

Bawa anak ke fasiliti kesihatan jika bergejala

PUTRAJAYA - Ibu bapa diminta segera membawa anak masing-masing ke fasiliti kesihatan terdekat sekiranya mereka mempunyai gejala penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, antara gejala awal HFMD adalah sama seperti Covid-19 iaitu demam dan hari berikutnya akan ada ruam.

"Apa-apa gejala dialami perlu uji dahulu dan bawa anak ke fasiliti kesihatan, kita akan tahu itu HFMD atau Covid-19," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Selasa.

Beliau mengakui bahawa kes HFMD mencatatkan peningkatan membimbangkan dan jabatan kesihatan negeri telah diarahkan untuk menjalankan tindakan intervensi, selain hebah-an pejabat kesihatan daerah berkenaan penyakit HFMD di kawasan mereka.

Khairy turut meminta pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) untuk menjaga kebersihan di premis masing-masing bagi mencegah penyakit itu.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai ketiadaan wakil doktor pelatih dalam Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF), Khairy berkata, pasukan petugas khas itu tidak memerlukan wakil doktor pelatih untuk ia berfungsi dan mendapatkan maklumat.

"Kita mahu pasukan itu bebas. Petugas pasukan khas juga akan minta pandangan daripada semua pihak dan mereka (doktor pelatih) bebas beri pandangan supaya pasukan petugas dapat kemuka laporan yang seimbang," katanya.

HWCITF dirubuhkan susulan insiden kematian seorang pegawai perubatan siswazah (PPS) di Hospital Pulau Pinang selain laporan dan aduan diterima berkaitan kes buli serta masalah tekanan mental dihadapi. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : FASA PERALIHAN ENDEMIK

19,000 kes dalam minggu kedua raya

Peningkatan kes Covid-19 sememangnya dijangka berikutan pergerakan orang ramai ketika sambutan Aidilfitri

PUTRAJAYA

Sebanyak 19,137 kes baharu Covid-19 dilaporkan sepanjang minggu lepas (8 Mei hingga 14 Mei) berbanding 8,732 kes pada minggu sebelumnya. (MEI ke-18)

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada Isnin memaklumkan, perkembangan itu menyaksikan kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini sebanyak 4,475,873 kes dengan 29,762 kes aktif.

Trend meningkat dikesan pada minggu pertama Hari Raya Aidilfitri, bermula pada 4 Mei iaitu 1,054 kes setelah sehari sebelum itu (3 Mei), negara mencatat kes terendah untuk tahun 2022, sebanyak 922 kes.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar ketika mengulas mengenai peningkatan kes Covid-19

berkata, perkara tersebut adalah dalam jangkaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berikutan pergerakan orang ramai terutama ketika sambutan Aidilfitri.

"Secara keseluruhan kadar nilai kebolehjangkitan (Rt) hari ini telah turun kepada 1.04 dan kadar kematian setiap hari adalah satu angka.

"Kemasukan ke hospital meningkat 55 peratus adalah kategori 1 dan 2 melibatkan mereka yang ada komorbid. Dari segi jangkitan, ada peningkatan kes Covid-19 adalah sesuatu yang dijangka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Kesihatan (KKM) di sini pada Selasa.

Beliau berkata, gelombang jangkitan Covid-19 yang tidak menentu ketika negara dalam Fasa Peralihan ke Endemik adalah sesuatu yang diramal.

"Jangkitan akan ada pasang surut dan bagi KKM, kita akan lihat keseriusan kes dan bukannya bilangan kes.

"Jika kes banyak tetapi keseriusan kurang, ini bermakna kita boleh hidup dengan virus itu. Sekiranya ada varian baharu yang cepat merebak, mungkin kita akan ambil tindakan



Khairy (dua dari kanan) menyerahkan buku Inisiatif Malaysia Hidup Bersama Covid-19 kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (dua dari kiri) pada Sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Selasa.

berbeza," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, ubat antiviral Paxlovid bagi merawat Covid-19 yang sebelum ini digunakan di klinik kesihatan dan hospital kerajaan, akan diperluas ke hospital dan klinik swasta serta hospital pengajar.

"Kita setuju agihkan (ubat antiviral Paxlovid) kepada hospital swasta, klinik swasta dan hospital pengajar supaya penggunaannya dapat

diperluaskan," katanya.

Setakat ini menurutnya, seramai 405 pesakit Covid-19 telah diberikan ubat berkenaan dan kesemua mereka telah sembuh sepenuhnya daripada penyakit itu.

"Ubat ini diberikan kepada mereka yang berisiko tinggi... mungkin kumpulan yang akan terima ubat ini akan dibesarkan," katanya.

Pada Khamis lepas, Khairy

memaklumkan seramai 173 pesakit Covid-19 yang diberikan ubat antiviral Paxlovid telah sembuh sepenuhnya dan tiada sebarang kesan sampingan dilaporkan hingga 9 Mei lepas.

Penggunaan ubat antiviral itu bagi merawat pesakit Covid-19 telah dimulakan sejak 15 April lepas di 512 Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di klinik kesihatan dan 78 hospital kerajaan. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes baharu Covid-19 menyusut semula

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 menyaksikan penurunan semula dengan sebanyak 1,697 kes dilaporkan berbanding kelmarin 2,236 kes dan mengatasi 1,548 kes sembuh.

Berdasarkan laman web <https://covidnow.moh.gov.my>, semalam, Selangor mencatatkan kes positif harian tertinggi iaitu 707 kes diikuti Kuala Lumpur (370), Pulau Pinang (151), Perak (78) dan Johor (69).

